

HIMPUNAN SOALAN DAN SKEMA
PEPERIKSAAN PERCUBAAN NEGERI-NEGERI
2023

PUTRAJAYA
NEGERI SEMBILAN
TERENGGANU
KELANTAN
SELANGOR
PERAK
SBP
PULAU PINANG
JOHOR
KEDAH
CHERAS
PAHANG
PERLIS
MELAKA
MRSM
PENDIDIKAN ISLAM
SOALAN KBAT

Putrajaya

1)

BIDANG HADIS: SETIAP ORANG ADALAH PEMIMPIN

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati amanah Allah SWT dan rasul-Nya dan janganlah kamu mengkhianati amanah kamu sedangkan mengetahui salahnya.”

(Surah al-Anfal : 27)

(iv) Ramalkan apakah yang akan berlaku sekiranya pekerja di Malaysia mengabaikan perkara ini. Huraikan. [4 markah]

Cadangan isi:

- 1) Rasuah berleluasa
- 2) Ekonomi merosot
- 3) Negara tidak aman dan mundur

2)

BIDANG AQIDAH: ALLAH AR-RAQIB



Berdasarkan gambar di atas, kemukakan hujah anda tentang tanggungjawab sebagai seorang mukmin dengan mengaitkannya dengan nama Allah SWT al-Raqib.

[4 markah]

Cadangan isi:

- 1) Sentiasa mentaati perintah-Nya
- 2) Menjauhi larangan-Nya
- 3) Melakukan kebaikan/amalan soleh

3)

BIDANG FIAH: ISU-ISU DALAM PERKAHWINAN

Di Malaysia, perceraian melalui talak diperuntukkan di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Seksyen 47. Mana-mana suami atau isteri yang mahu bercerai melalui talak hendaklah membuat permohonan terlebih dahulu di Mahkamah Syariah.

- (iv) Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah cara mengelak berlakunya perceraian dalam kalangan masyarakat. [4 markah]

Cadangan isi:

- 1) Suami isteri mempunyai pegangan agama yang kukuh
- 2) Suami isteri mempunyai ilmu pengetahuan berkaitan kekeluargaan
- 3) Suami isteri saling bertolak ansur dan bertanggungjawab

4)

BIDANG TAMADUN ISLAM: KERAJAAN UTHMANIYAH

Kelemahan sistem pendidikan merupakan salah satu faktor kemerosotan kerajaan Uthmaniyah sehingga menyebabkan kekurangan tenaga mahir untuk membangunkan negara.

- Berdasarkan pernyataan di atas, berikan hujah anda tentang kepentingan pendidikan dalam memacu kegemilangan sesebuah negara. [4 markah]

Cadangan isi:

- 1) Melahirkan rakyat yang berdaya saing dan berkualiti
- 2) Meningkatkan ekonomi negara
- 3) Negara dipandang tinggi masyarakat luar

5)

BIDANG: AKHLAK ISLAMIAH: Adab terhadap orang sakit.



Tanggungjawab menjaga orang sakit amat dituntut dalam Islam.

Mengapakah orang sakit perlu dijaga dengan beradab? Huraikan hujah anda.

[4 markah]

Cadangan isi:

- 1) Mengurangkan beban sakit yang dihadapinya
- 2) Sokongan moral supaya cepat sembuh
- 3) Menunjukkan kasih sayang antara satu sama lain

Putrajaya (Set 2)

1)

BIDANG HADIS: KEMULIAAN BERDIKARI

Graduan perbankan jadi penternak ikan kelah

Gua Musang: Seorang pemuda sanggup berhenti kerja sebagai pegawai bank di Kuala Lumpur untuk mengambil alih ternakan ikan kelah milik bapanya di Kampung Lapan Jaya, di sini, sejak setahun lalu.

Tindakan berani diambil Ibrahim Mat Nawi, 24, nyata membukakan hasil apabila menjadi anak muda pertama di negeri ini berjaya melakukan pembenihan dan penetasan anak ikan kelah.

Kebolehan Ibrahim yang memiliki Ijazah Perbankan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) menerima pujian banyak pihak, termasuk Jabatan Perikanan Malaysia.

Ibrahim berkata, dia hanya sempat bekerja sebagai pegawai bank dalam tempoh lebih setahun sebelum membuat keputusan berhenti.

Katanya, dia mengakui ramai pihak, terutama rakan tidak setuju dengan tindakannya itu, namun tetap nekad untuk beralih bidang

sebagai penternak ikan kelah di kampungnya.

Kos sara hidup di KL tinggi

"Iarupun bertugas pegawai bank, gaji yang saya peroleh masih tidak dapat menampung kos sara hidup yang tinggi di Kuala Lumpur. Selepas dinasihatkan bapa, saya nekad pulang ke kampung menjadi penternak ikan kelah.

"Kemahiran melakukan pembenihan dan penetasan anak ikan kelah diperolehi selepas mengikuti kursus di Pusat Latihan Jabatan Perikanan Malaysia di Serdang, Selangor.

"Alhamdulillah, kini saya memperoleh pendapatan lebih besar berbanding sebelum ini," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Katanya, dia kini memiliki lapan kolam ikan di kawasan seluas lima hektar di kampung itu.

"Selain memiliki 9,000 ikan kelah, saya turut merternak tilapia, patin dan tongssang," katanya.

(FOTO RAMLI IBRAHIM/BER)



Alhamdulillah, kini saya memperoleh pendapatan lebih besar berbanding sebelum ini"

Ibrahim Mat Nawi,
Penternak ikan kelah

Ibrahim memberi ikan kelah makan di kolam di Kampung Lapan Jaya, Gua Musang.

Sumber Berita Harian: 15 April 2019

Berdasarkan keratan akhbar di atas, kemukakan hujah anda untuk mengaitkannya dengan sikap berdikari. [4 markah]

Cadangan isi:

- 1) Sikap ini akan menjadikan seseorang tekun dalam melakukan sesuatu perkara
- 2) Memperkasakan daya saing untuk meningkatkan taraf hidup

2) **BIDANG AKIDAH: ALLAH AL -MUNTAQIM**



Kejadian tsunami

-) Kemukakan pandangan anda berkaitan situasi di atas dengan keimanan kepada Allah SWT al-Muntaqim. [4 markah]

Cadangan isi:

- 1) Sentiasa takut pada azab Allah
- 2) Sentiasa melakukan amal soleh

3) **BIDANG FIQAH : SOLAT SUNAT ISTIKHARAH**

Masyarakat sering menganggap bahawa solat sunat istikharah dilakukan bertujuan untuk memilih jodoh semata-mata.

Huraikan pendapat anda tentang pernyataan di atas. [4 markah]

Cadangan Isi:

- 1) ditunaikan untuk memilih aliran subjek yang betul
- 2) ditunaikan untuk memilih jalan kerjaya

4)

BIDANG SIRAH DAN TAMADUN ISLAM; KERAJAAN ABBASIYAH

Pemerintahan kerajaan Abbasiyah telah mencapai
'Zaman Kegemilangan Islam'.

Bincangkan peranan generasi kini dalam mengembalikan kegemilangan negara Islam di mata dunia. [4 markah]

Cadangan isi:

- 1) Mencontohi kepimpinan yang berwibawa
- 2) Menguasai ilmu dan kepakaran

5)

BIDANG AKHLAK ISLAMIAH: ISTIQAMAH MENUJU JALAN MUJAHADAH

Firman Allah Taala:

Oleh itu, hendaklah engkau (wahai Muhammad SAW) sentiasa tetap teguh di atas jalan yang betul sebagaimana yang telah diperintahkan kepadamu.

(Surah Hud, 11: 112)

- (iv) Berdasarkan maksud petikan ayat al-Quran di atas, huraikan pandangan anda tentang bagaimana untuk memiliki sifat istiqamah. [4 markah]

Cadangan isi:

- 1) Sentiasa mujahadah melawan nafsu
- 2) Sentiasa berdoa memohon bantuan daripada Allah
- 3) Sentiasa membaca dan mengambil iktibar kisah para rasul dan sahabat yang istiqamah melakukan kebaikan
- 4) Sentiasa musahabah diri agar ikhlas dan sabar dalam setiap tindakan

Negeri Sembilan

1) **BIDANG HADIS: KEMULIAAN BERDIKARI****BERDIKARI**

Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.

Pada pandangan anda, mengapakah sifat di atas perlu ada dalam diri seorang pelajar?

[4 markah]

Cadangan isi:

- 1) Mewujudkan semangat untuk terus berusaha
- 2) Meyakini kemampuan diri untuk sesuatu tugas
- 3) Berusaha dengan bersungguh-sungguh
- 4) Membebaskan diri daripada bergantung kepada orang lain
- 5) Tidak mudah putus asa dan kecewa
- 6) Menggunakan potensi diri yang dikurniakan oleh Allah

2) **BIDANG AKIDAH: ALLAH MAHA MENGAWASI**

Sistem penguatkuasaan yang berkesan mampu mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

Berdasarkan kenyataan di atas, kaitkannya dalam konteks keimanan terhadap ar-Raqib.

[4 markah]

Cadangan isi:

- 1) Sentiasa mematuhi undang-undang
- 2) Merasakan diri sentiasa diperhatikan
- 3) Takut untuk melanggar peraturan

3)

BIDANG FIAH; MUAMALAT ISLAM

Labur RM250 dapat AS\$200 juta, skim cepat kaya perdaya ramai mangsa

oleh MOHD HARIS FADLI MOHD FADZIL 31 Disember 2022 01:04pm

KUALA LUMPUR - [DIKEMAS KINI] Labur RM250 dapat pulangan AS\$200 juta, labur RM1,000 dapat AS\$3 bilion. Itu janji manis satu sindiket skim pelaburan cepat kaya mampu memperdaya ramai mangsa di seluruh negara.

Pengerusi Pertubuhan Jaringan Sahabat Malaysia (JSM), Mohd Razi Abdul Rahman berkata, hasil siasatan pihaknya mendapati sindiket berkenaan dipercayai beroperasi seawal tahun 2001, memperdaya sekitar 100,000 mangsa dari pelbagai latar belakang.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada <https://www.sinarharian.com.my/> 31 Disember, 2022

- (ii) Berdasarkan keratan akhbar di atas, mengapakah situasi tersebut berlaku?
Huraikan hujah anda.

[4 markah]

Cadangan isi:

- 1) Ingin cepat kaya
- 2) Mudah terpengaruh dengan hawa nafsu/pujukan
- 3) Jahil/Kurang ilmu pengetahuan
- 4) Penguatkuasaan undang-undang yang lemah
- 5) Maklumat palsu yang mudah tersebar di media sosial

PULAU PINANG

1)

BIDANG AL-QURAN: LARANGAN MEMPERSENDAKAN AGAMA

- (iii) Huraikan hujah anda untuk menolak dakwaan segelintir golongan yang beranggapan bahawa pelaksanaan syariat Islam perlu diteliti semula agar sesuai mengikut situasi semasa. [4 markah]

CADANGAN ISI:

- 1) Syariat Islam sesuai dengan fitrah manusia sepanjang zaman
- 2) ketetapan Allah ada hikmah tersendiri yang tidak mampu dicapai akal manusia
- 3) syariat Islam adalah untuk memelihara keamanan sejagat kerana ia datang daripada Pencipta

2)

BIDANG AKIDAH: HINDARI AJARAN SESAT

Sabda Rasulullah SAW:

تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ

(رواية مالك)

Maksudnya: Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang kamu tidak akan sesat sekira berpegang dengannya, kitab Allah (al-Quran) dan Sunah Nabi-Nya (al-Hadis).

Pada pandangan anda, mengapakah ajaran sesat masih berlaku walaupun Nabi Muhammad SAW telah berpesan melalui hadisnya seperti di atas? [4 markah]

Cadangan isi:

- 1) tidak memahami kandungan Al-Quran dan Hadis
- 2) belajar ilmu agama daripada guru yang muktabar
- 3) kurang ilmu agama menyebabkan tidak dapat membezakan ajaran yang benar mengikut Al-Quran dan As-Sunnah
- 4) mentafsir ayat al-Quran dan hadis berdasarkan akal semata-mata

3) **BIDANG FIQAH: MUAMALAT ISLAM**

(iii) Adakah jual beli secara dalam talian (*online*) menepati muamalat Islam? Huraikan.

[4 markah]

Cadangan isi:

-menepati muamalat Islam jika:

- 1) tiada unsur yang diharamkan dalam jual beli tersebut
- 2) memenuhi syarat sah jual beli
- 3) tiada unsur penipuan

-tidak menepati jika:

- 1) terdapat unsur yang diharamkan
- 2) tidak memenuhi syarat sah jual beli

4) **BIDANG SIRAH DAN TAMADUN ISLAM: KERAJAAN UMAIYAH**

(iii) Bagaimanakah keunggulan tokoh-tokoh Islam dapat membenarkan inspirasi untuk menjadikan anda insan yang cemerlang?

[4 markah]

Cadangan isi:

- 1) menerapkan sifat berani dalam mempertahankan agama
- 2) menguasai pelbagai ilmu pengetahuan
- 3) menjadikan Islam sebagai cara hidup
- 4) mengamalkan akhlak yang mulia

5) **BIDANG AKHLAK ISLAMIAH: WASATIYYAH MENJAMIN KECEMERLANGAN UMAT**

(iii) Bagaimanakah anda dapat menerapkan amalan wasatiah dalam kehidupan seharian?

[4 markah]

Cadangan isi:

- 1) mengimbangkan antara urusan duniawi dan ukrahwi
- 2) menggunakan potensi diri untuk keredhaan Allah
- 3) melakukan semua tugas dan pekerjaan secara ikhlas kerana Allah

TERENGGANU

1) **BIDANG AL-QURAN: KEPELBAGAIAN BANGSA DALAM ISLAM**

Kepelbagaian bangsa membina peluang bagi mengukuhkan kehidupan yang harmoni dalam masyarakat majmuk di Malaysia.

(iii) Kemukakan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas. [4 markah]

Cadangan isi:

- 1) saling memahami dan menerima bangsa Melayu sebagai teras utama dalam masyarakat
- 2) menghormati kepelbagaian budaya supaya wujud persefahaman dalam masyarakat
- 3) umat Islam lebih berusaha untuk membaiki akhlak supaya menjadi teladan

2) **BIDANG AKIDAH: ALLAH MAHA MENGAWASI**




Gambar di atas menunjukkan pelbagai platform laman media sosial. Ramalkan kemungkinan yang akan berlaku sekiranya ibu bapa tidak mengawal penggunaannya terhadap anak-anak dengan mengaitkannya dalam konteks keimanan terhadap nama Allah SWT al-Raqib.

[4 markah]

Cadangan isi:

- 1) anak-anak mudah terpengaruh dengan gejala sosial dan mewujudkan akhlak mazmumah
- 2) melahirkan masyarakat yang huru-hara
- 3) hubungan silaturahim antara keluarga berpecah-belah
- 4) melahirkan masyarakat yang tidak meyakini Allah Maha Mengawasi

3
)**BIDANG FIQAH:HAJI DAN UMRAH**

Dipetik dan diubah suai : umrahexpert.blogspot.com

Berdasarkan gambar di atas, cadangkan bagaimana menangani isu tersebut.

[4 markah]

Cadangan isi:

- 1) kerajaan mengeluarkan lesen khas umrah bagi memudahkan pemantauan
- 2) menamakan semua nama syarikat yang disenaraihitamkan dalam Iman sesawang
- 3) mengadakan kempen kesedaran
- 4) mengedarkan risalah tentang penipuan pakej umrah

4)

BIDANG SIRAH DAN TAMADUN ISLAM:KERAJAAN ABBASIYAH

Malaysia hilang jurutera, doktor sebab pelajar tak minat sains

PETALING JAYA – Negara bakal kehilangan golongan profesional tempatan dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dalam tempoh 20 tahun lagi apabila ramai pelajar sekolah kini enggan memasuki aliran itu.

Dipetik dan diubah suai : Kosmo, 31 Mei 2023

Huraikan pandangan anda tentang isu di atas.

[4 markah]

Cadangan isi:

- 1) pelajar beranggapan bidang sains dan teknologi sukar untuk dikuasai
- 2) pelajar lebih berminat dengan bidang perniagaan
- 3) pihak berwajib perlu tingkatkan kempen untuk menarik minat pelajar dalam bidang sains
- 4) ibu bapa perlulah memupuk minat anak dalam bidang sains sejak kecil lagi

5) BIDANG AKHLAK ISLAMIAH: WASATIYYAH MENJAMIN KECEMERLANGAN UMAT

﴿ كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ ﴾

(Surah Ali Imran : Ayat 110)

Maksudnya : Kamu wahai umat Muhammad ialah umat paling baik yang dilahirkan bagi umat manusia kerana kamu menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran serta kamu beriman kepada Allah SWT.

- (iv) Berdasarkan ayat di atas, bagaimanakah anda mengaplikasikan konsep wasatiah untuk menjadi umat yang cemerlang.

[4 markah]

Cadangan isi:

- 1) memakmurkan bumi mengikut syariat
- 2) menjauhkan diri daripada kezaliman
- 3) menggunakan harta kekayaan untuk keredaan Allah
- 4) ikhlas dalam semua pekerjaan

KELANTAN

1)	<p>BIDANG HADIS: KEMULIAAN BERDIKARI</p> <p>Kehidupan di asrama melatih pelajar supaya hidup berdikari. Kemukakan pandangan anda bagi menyokong pernyataan di atas. [4 markah]</p> <p>Cadangan isi;</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) dapat mengurus pakaian sendiri 2) mengatur kehidupan sendiri 3) belajar menyusun jadual harian 4) bijak menguruskan kewangan
2)	<p>BIDANG AKIDAH: ALLAH MAHA MENGAWASI</p> <p>Ramaikan apa yang akan berlaku kepada masyarakat sekiranya kefahaman al-Raqib diabaikan.</p> <p>Cadangan isi:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) masyarakat leka/lalai dalam membuat kemungkararan 2) masyarakat memandang remeh soal ibadat 3) masyarakat hidup dalam berpura-pura
3)	<p>BIDANG FIQAH: SOLAT SUNAT TASBIH</p> <p>Bagaimanakah solat sunat tasbih dapat dijadikan amalan dalam kehidupan seharian. Berikan cadangan anda. [4 markah]</p> <p>Cadangan isi:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) memahami kelebihan solat sunat tasbih 2) mengejar pahala sunat yang banyak dalam kehidupan 3) membuat jadual khusus untuk solat sunat tasbih 4) berdoa kepada Allah untuk sentiasa istiqamah dalam melaksanakan solat sunat tasbih

4)

BIDANG SIRAH DAN TAMADUN ISLAM: KEUNGGULAN TOKOH EMPAT MAZHAB

'Imam Malik sangat mencintai Rasulullah SAW sehingga tidak sanggup menunggang kuda dalam Kota Madinah kerana menghormati jasad Rasulullah SAW yang dimakamkan di sana'

Sebagai seorang murid, bagaimanakah anda dapat meneladani sifat tersebut dalam kehidupan. Huraikan.

Cadangan isi:

- 1) Mengamalkan sunnah Rasulullah
- 2) Sentiasa berselawat ke atas nabi
- 3) mempertahankan Nabi Muhammad daripada sebarang penghinaan
- 4) mempelajari hadis Rasulullah

BIDANG AKHLAK ISLAMIAH: WASATIYYAH MENJAMIN KECEMERLANGAN UMAT

KECEMERLANGAN

Dicipta Oleh **INSAN BIASA**

Dari Keluarga Biasa

Belajar Di Sekolah Biasa

Memiliki Kecerdasan Biasa

Yang **BERUSAHA** Secara **LUAR BIASA**

Berikan hujah anda bagi menyokong slogan di atas.

Cadangan isi:

- 1) belajar bersungguh-sungguh tanpa mengabaikan kewajiban terhadap Allah
- 2) tidak mudah putus asa jika gagal
- 3) sanggup menghadapi apa sahaja cabaran dalam mencapai kecemerlangan
- 4) memahami konsep tawakal

SELANGOR

1) BIDANG AL-QURAN: MEMAHAMI SUNNATULLAH

Fenomena kerosakan yang berlaku di muka bumi ialah sebagai satu bentuk pendidikan dan peringatan kepada manusia agar kembali kepada landasan dan matlamat hidup yang sebenar berteraskan syariat Islam.

(Sumber: Ubah suai kata-kata *Doktor Yusuf al-Qardawi*)

Huraikan hujah anda untuk membuktikan kebenaran pernyataan di atas.

[4 markah]

Cadangan isi;

- Sifat tamak dan rakus manusia mengejar kemewahan
- kehidupan berhibur tanpa batasan
- melakukan maksiat

2) BIDANG AKIDAH: HINDARI AJARAN SESAT


Ajaran sesat boleh memusnahkan perpaduan dalam masyarakat.

Kemukakan hujah anda untuk membuktikan kebenaran pernyataan di atas.

r.a .

Cadangan isi;

- manusia menjadi taksib kepada kumpulan tertentu
- mementingkan diri sendiri
- membawa kepada pergaduhan

3) **BIDANG FIQAH: ISU-ISU DALAM PERKAHWINAN**

(Sumber: Info grafik Bernama - <https://www.bernama.com>)

Data di atas menunjukkan bilangan rakyat Malaysia yang berkahwin di luar negara. Kemungkinan yang akan berlaku sekiranya keadaan ini tidak dibendung.
[4 markah]

Cadangan isi:

- pasangan akan didenda jika berkahwin tanpa mengikut saluran yang betul
- pasangan akan dipisahkan jika perkahwinan tidak sah
- isteri tidak mempunyai sebarang dokumen yang sah untuk membuat tuntutan
- kesukaran mendaftar kelahiran anak untuk sijil kelahiran

4) **BIDANG SIRAH DAN TAMADUN ISLAM: KERAJAAN UMAIYAH**

Pasukan angkatan tentera yang berdisiplin dan bersemangat jihad dalam mempertahankan negara merupakan faktor yang membawa kegemilangan kerajaan Umayyah.

Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan bagaimana anda mengamalkan sika tersebut untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran.
[4 markah]

Cadangan isi:

- 1) membuat persediaan rapi bagi persediaan menghadapi peperiksaan
- 2) menyusun jadual waktu belajar dengan tersusun
- 3) berusaha melawan nafsu ke arah negatif
- 4) sentiasa bersemangat ketika belajar

5) mengamalkan strategi belajar yang berkesan

5)

BIDANG AKHLAK ISLAMIAH: ALAM SEKITAR PENENANG JIWA

Isu krisis bekalan air yang berpunca daripada pencemaran sungai perlu diberi perhatian sewajarnya kerana akses kepada bekalan air minuman bersih sangat penting untuk kelangsungan hidup dan kesejahteraan kesihatan rakyat Malaysia.

Memandangkan 98 peratus daripada air tawar negara berasal dari sungai, maka status dan kualiti air sungai perlu dititikberatkan agar sentiasa dalam keadaan baik dan lestari.

Sumber: Rencana *Sinar Harian* - Isnin 12 Jun 2023

Mengapakah situasi di atas masih berlaku? Kemukakan hujah anda. [4 markah]

Cadangan isi:

- sikap mementingkan diri sendiri
- kurang kesedaran tentang pentingnya memelihara sungai
- kurang penguatkuasaan undang-undang

PERAK

1)

BIDANG AL-QURAN: MEMAHAMI KEUTAMAAN DALAM TINDAKAN

Berdasarkan gambar di atas, mengapakah bidang pengajian tersebut penting kepada umat Islam? (4 markah)

Cadangan isi:

- dapat membezakan makanan halal dan haram
- memudahkan urusan keperluan harian masyarakat
- mengutamakan mempelajari bidang ilmu makanan halal
- memenuhi keperluan tenaga kerja industri halal

2)

BIDANG HADIS: KEMULIAAN BERDIKARI

BERDIKARI
UNTUK KEBAIKAN DIRI SENDIRI,
AGAMA, MASYARAKAT DAN NEGARA.

Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan bagaimana anda membudayakan amalan di atas dalam kehidupan seharian. (4 markah)

Cadangan isi:

- berusaha bersungguh-sungguh untuk menyara kehidupan
- membebaskan diri daripada bergantung pada pihak lain
- meyakini kemampuan diri
- berazam dengan hemah yang tinggi

3) **BIDANG AKIDAH: HINDARI AJARAN SESAT**

Ajaran sesat merupakan ancaman kepada masyarakat Islam di negara kita.

Kemukakan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas. (4 markah)

Cadangan isi:

- mencetus keganasan dalam masyarakat
- menggugat keamanan negara
- mewujudkan permusuhan
- menggugat kestabilan

4) **BIDANG AKIDAH: ALLAH MAHA MENGAWASI**



Berdasarkan gambar di atas, kemukakan hujah anda dengan mengaitkannya dengan nama Allah SWT al-Raqib. (4 markah)

Cadangan isi:

- Allah Maha Mengawasi semua tingkah laku manusia
- menjadikan manusia sentiasa berwaspada dalam semua keadaan
- sentiasa berusaha menjauhi larangan Allah

5) **BIDANG SIRAH DAN TAMADUN ISLAM: KEUNGGULAN TOKOH ISLAM**


Ahmad bin Ibrahim banyak memberi sumbangan dalam bidang perundangan Islam seperti menghasilkan buku Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia.

Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah anda mencontohi kehebatan tokoh tersebut. (4 markah)

Cadangan isi:

- bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu
- sering membuat rujukan
- sering bertanya pada guru tanpa jemu
- sering mengulangkaji pelajaran

6) **BIDANG AKHLAK ISLAMIAH: WASATIYYAH MENJAMIN
KECEMERLANGAN UMAT**



Huraikan bagaimana anda menjayakan kempen di atas.

Cadangan isi:

- memupuk kesedaran menjimat elektrik
- memeriksa sistem pendawaian secara berkala
- tutup suis peralatan elektrik jika tidak digunakan

7) **BIDANG AKHLAK ISLAMIAH: ALAM SEKITAR PENENANG JIWA**



Ramalkan apa akan berlaku sekiranya kempen tersebut diabaikan. (4 markah)

Cadangan isi:

- kemusnahan alam sekitar
- berlaku bencana alam
- kerugian kepada negara

SBP

1)

BIDANG HADIS: KEMULIAAN BERDIKARI

**'Kalau attitude ke laut, memang tak tahan',
warganet bidas isu Gen Z manja dan pantang
kena tegur**

Sumber: Majoriti.com.my, 22 Jun 2023

Berdasarkan tajuk artikel di atas, huraikan pandangan anda tentang peranan generasi akan datang bagi mengatasi sikap tersebut dalam menyara kehidupan. [4 markah]

Cadangan isi:

- bersungguh-sungguh untuk menyara kehidupan
- menggunakan potensi diri yang dikurniakan oleh Allah sebaik mungkin
- membebaskan diri daripada bergantung pada orang lain
- berazam dengan hemah yang tinggi untuk meningkatkan kualiti diri, masyarakat dan negara.

2)

BIDANG AKIDAH: ALLAH MAHA MENGAWASI

Menghayati nama Allah al-Raqib menjadikan seseorang murid itu cemerlang dan berjaya dalam pelajaran.

Huraikan pandangan anda bagi menyokong pernyataan di atas. [4 markah]

Cadangan isi:

- melakukan segala perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya
- mengelakkan diri daripada maksiat
- sentiasa istiqomah dalam melakukan ibadah
- sentiasa berdoa dan memohon kejayaan dalam pelajaran

3)

BIDANG FQAH: HAJI DAN UMRAH

Melaksanakan ibadah haji menuntut pengorbanan masa, tenaga dan perbelanjaan kos yang tinggi.

Huraikan tindakan yang perlu diambil bagi menunjukkan kesungguhan anda dalam menyempurnakan ibadah tersebut. [4 markah]

Cadangan isi;

- bijak merancang dan mengurus kewangan sebaik mungkin
- membuka simpanan Tabung Haji
- mendaftar awal untuk menunaikan haji
- banyak membaca dan menuntut ilmu tentang ibadah haji
- menghadiri kursus haji atau umrah yang dianjurkan di kawasan setempat

4)

BIDANG FIAH: PENGURUSAN HARTA LEPAS PERKAHWINAN

Islam mensyariatkan *faraid* untuk membahagikan harta pusaka selepas berlaku kematian.

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah kemungkinan yang akan berlaku sekiranya tuntutan tersebut diabaikan dalam sesebuah keluarga? [4 markah]

Cadangan isi:

- pembahagian harta diuruskan dengan tidak adil dan saksama
- berlaku perebutan harta dalam keluarga
- hubungan kekeluargaan akan putus
- berlaku penganiayaan kepada waris yang berhak

5)

BIDANG AKHLAK ISLAMIAH: ALAM SEKITAR PENENANG JIWA

Firman Allah SWT:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ
يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

Maksudnya : "Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia."

(Surah al-Rum: 41)

Berdasarkan maksud ayat di atas, huraikan hujah anda mengapakah situasi di atas berlaku? [4 markah]

Cadangan isi:

- ingin mengaut keuntungan semat-mata daripada hasil alam.
- kurang kesedaran mengambil berat tentang penjagaan alam sekitar
- sikap tidak ambil tahu tentang kerosakan dan kemusnahan alam sekitar
- penguatkuasaan undang-undang lemah dalam menangani isu alam sekitar

JOHOR (MUAR)

1)

BIDANG HADIS: SETIAP ORANG ADALAH PEMIMPIN

Sebagai seorang pekerja, kita mempunyai peranan untuk berganding bahu bersama pemimpin dalam membangunkan negara.


Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan peranan pekerja dalam pembangunan negara. [4 markah]

Cadangan isi

- bekerja dengan penuh integriti dan amanah
- bekerja mengikut prosedur yang ditetapkan
- melaksanakan setiap tugas dengan sempurna

2)

BIDANG FQAH : ALLAH MAHA PEMBALAS



Kawasan Laut Mati yang terletak di Jordan merupakan bukti Allah SWT bersifat al-Muntaqim.

Sebagai seorang murid, bagaimanakah anda dapat mengambil iktibar daripada bukti tersebut? [4 markah]

Cadangan isi:

- lebih berhati-hati dalam setiap tindakan yang diambil
- menanamkan rasa takut dalam diri untuk melakukan maksiat
- menghindari perbuatan yang akan mengundang kemurkaan Allah

3)

BIDANG FQAH : SOLAT SUNAT ISTIKHARAH

Ahmad telah mendapat tawaran menyambung pelajaran di universiti dalam negara dan di luar negara. Dia melaksanakan solat sunat istikharah sebelum membuat pilihan.

Kemukakan hujah anda terhadap situasi Ahmad dalam membuat keputusan. [4 markah]


Cadangan isi:

- menunaikan solat istikharah untuk membuat keputusan
- menjadikan Allah sebagai tempat pergantungan utama
- meningkatkan keimanan diri kerana sering memohon kepadanya

-memohon petunjuk dalam sesuatu keadaan untuk mendapat rahmat

4)

BIDANG SIRAH DAN TAMADUN ISLAM: KEUNGGULAN TOKOH ISLAM



Gambar di atas merupakan salah satu karya Ahmad bin Ibrahim yang terkenal. Beliau banyak menghasilkan karya yang hebat dalam bidang perundangan dan seorang yang sangat menjaga etika keadilan ketika mengendalikan kes perceraian.

Huraikan iktibar yang anda boleh teladani daripada keunggulan tokoh di atas.

[4 markah]

Cadangan isi:

- mencontohi kegigihan tokoh dalam menuntut ilmu
- bersifat cekal dalam menyebarkan dakwah islamiah
- menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki
- berusaha menjadi seorang insan yang berkualiti
- bekerjasama dalam pembangunan negara

5)

BIDANG AKHLAK ISLAMIAH: ALAM SEKITAR PENENANG JIWA



Berdasarkan keratan akhbar di atas, huraikan peranan pihak berkuasa bagi mengatasi masalah tersebut.

[4 markah]

Cadangan isi:

- mengenakan denda/hukuman berat kepada si pelaku
- memberi didikan awal tentang kepentingan menjaga alam sekitar
- mengadakan kempen/motivasi/ceramah kesedaran tentang alam sekita

JOHOR(PASIR GUDANG)

1) BIDANG HADIS: SETIAP ORANG ADALAH PEMIMPIN

KUALA LUMPUR: Seorang pengurus pentadbiran dan pembantu peribadi pengarah syarikat perunding pertahanan didakwa di Mahkamah Sesyen hari ini atas dua tuduhan melakukan pecah amanah wang syarikat berjumlah RM1.58 juta.

(iv) Berdasarkan kenyataan akhbar di atas, bagaimanakah cara menjadi seorang pekerja yang bertanggungjawab? [4 markah]

Cadangan isi:

- bekerja bersungguh-sungguh
- amanah dalam pekerjaan
- sentiasa mengingati Allah dalam setiap pekerjaan
- membantu majikan meningkatkan produktiviti.

2) BIDANG AKIDAH: ALLAH MAHA PEMBALAS



) Kaitkan jenayah di atas dengan kesan beriman kepada nama Allah SWT al-Muntaqim? [4 markah]

Cadangan isi:

- mendapat balasan setimpal dari segi undang-undang
- dipandang hina masyarakat
- mendapat balasan Allah kerana tidak menjalankan amanah

3) BIDANG FQAH : SOLAT SUNAT ISTIKHARAH

Islam menggalakkan umatnya melaksanakan istikharah agar pilihan yang dibuat terpandu ke jalan kebaikan.

Huraikan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 markah]

Cadangan isi:

- Kita menjadi lebih yakin dengan pilihan
- menyerahkan sepenuh pergantungan kepada Allah
- mengelakkan sikap sombong dan riak

4) **BIDANG SIRAH DAN TAMADUN ISLAM: KEUNGGULAN TOKOH ISLAM**

Sebagai seorang pelajar yang ingin berjaya, bagaimanakah anda boleh mencontohi Profesor Ahmad Ibrahim.
Huraikan pendapat anda.

[4 markah]

Cadangan isi;

- belajar bersungguh-sungguh
- berusaha melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi
- menguasai ilmu sehingga menjadi pakar rujuk

5) **BIDANG AKHLAK ISLAMIAH: ALAM SEKITAR PENENANG JIWA**



Apakah langkah untuk menangani situasi di atas daripada terus berlaku.
Berikan pendapat anda.

[4 markah]

Cadangan isi:

- Saling mengingatkan antara satu sama lain.
- Mengajak masyarakat lain ke arah budaya menjaga alam sekitar dan memberi peringatan.
- Membuat laporan kepada pihak berwajib untuk diambil tindakan tegas.
- Meningkatkan ilmu agama tentang ajaran islam yang benar.
- Mengenakan tindakan undang-undang yang tegas kepada pesalah

KEDAH

1) **BIDANG HADIS: KEMULIAAN BERDIKARI****Pekerja asing ramai sebab orang Malaysia malas?**

Prof Dr Mohd Nazari Ismail
 Mei 10, 2019 07:14 MYT

Kemukakan pendapat anda berkaitan pernyataan di atas. [4 markah]

Cadangan isi:

Setuju:

- Sikap rakyat yang tidak suka dengan pekerjaan yang berat, kotor dan berbahaya.
- Terlalu memilih pekerjaan.

Tidak setuju:

- Tawaran gaji yang rendah berbanding kelulusan akademik.
- Masih ramai rakyat Malaysia yang berdikari / mengguna potensi diri secara maksimum / optimum.
- Rakyat Malaysia perlukan gaji tinggi demi menyara ahli keluarga yang ramai.

2) **BIDANG AKIDAH: ALLAH MAHA PEMBALAS**

Mengapakah terdapat segelintir umat Islam masih melakukan perbuatan dosa dan maksiat sedangkan mengetahui Allah SWT bersifat al-Muntaqim. Huraikan. [4 markah]

Cadangan isi:

- Tidak takut azab Allah SWT/ adanya pembalasan bagi setiap perbuatan.
- Kurang ilmu agama.
- Lemah iman / pegangan agama.
- Merasa bangga.

3)

BIDANG AKIDAH:AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH




Cadangkan langkah untuk menangani ajaran di atas daripada terus menular dalam kalangan masyarakat Islam.

[4 markah]

Cadangan isi:

- Kerajaan perlu menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan.
- Masyarakat melaporkan kepada pihak berwajib.
- Mengadakan kempen kesedaran
- Menghantar orang-orang yang terlibat dengan ajaran Syiah ke pusat pemulihan akidah.
- Mengenakan hukuman yang lebih berat.

4) **BIDANG FIAH: ISU-ISU DALAM PERKAHWINAN**


Soalan

Apakah hukumnya saya memohon perceraian sebab suami tidak solat. Dan saya nak falkan perceraian atas sebab tersebut.

Berdasarkan persoalan di atas, kemukakan hujah anda dengan mengaitkannya dengan isu perceraian dalam rumahtangga di Malaysia.

Cadangan isi:

- Solat merupakan tunjang utama pembentukan rumahtangga harmoni / bahagia.
- Allah SWT akan menjaga rumahtangga orang yang menjaga hubungan dengan-Nya.
- Solat penyelesaian masalah manusia / jalan keluar setiap masalah.
- Tidak melaksanakan tuntutan syariat Islam boleh menjadi sebab isteri memohon fasakh.

5) **BIDANG AKHLAK ISLAMIAH: WASATIYAH MENJAMIN KECEMERLANGAN UMAT**

Ramalkan kemungkinan yang akan berlaku sekiranya pelajar tidak mengamalkan prinsip wasatiah dalam kehidupan. [4 markah]

Cadangan isi:

- Pengabaian tanggungjawab terhadap Allah SWT.
- Melakukan tugas secara sambil lewa.
- Sering melanggar arahan dan peraturan yang ditetapkan.

CHERAS

1) BIDANG AKIDAH; ALLAH MAHA MENGAWASI

Syair Arab ada menyatakan ; “Jika suatu hari kamu sedang bersendirian, maka janganlah kata aku bersendirian, akan tetapi katakanlah Allah sedang mengawasiku”.

Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan pendapat anda akibat tidak beriman kepada Allah al-Raqib. [4 markah]

Cadangan isi:

- meninggalkan ibadah wajib
- leka dengan kemewahan dunia
- melakukan perbuatan maksiat

2) BIDANG AKIDAH: AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH



iv) Gambar di atas menunjukkan penularan kesesatan ajaran Syiah yang semakin membimbangkan dalam kalangan masyarakat.

Huraikan tindakan yang boleh dilakukan dalam menangani isu di atas.

[4 markah]

Cadangan isi:

- menghapuskan tempat-tempat berkumpul kumpulan syiah.
- mengenakkan hukuman berat
- mengadakan kempen kesedaran tentang bahaya Kumpulan Syiah

3) **BIDANG FIAH;HAJI DAN UMRAH**

Amin pergi ke Mekah menunaikan haji dengan membuat pembiayaan peribadi

Kemukakan pandangan anda tentang situasi di atas. [4 markah]

Cadangan isi:

- Diharuskan untuk memberi peluang kepada mereka yang tidak mampu menunaikan haji
- Tidak harus sekiranya menjadi bebanan untuk membayar semula

4) **BIDANG SIRAH DAN TAMADUN ISLAM:KEUNGGULAN TOKOH ISLAM**

Profesor Ahmad bin Ibrahim merupakan tokoh undang-undang Islam di Malaysia dan diiktiraf sebagai bapa undang-undang Malaysia

Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah anda dapat mencontohi Profesor Ahmad bin Ibrahim dalam menimba ilmu ? [4 markah]

Cadangan isi;

- belajar bersungguh-sungguh
- menyampaikan ilmu yang dipelajari
- berakhlak mulia
- menyampaikan dakwah ajaran Islam

5) **BIDANG AKHLAK ISLAMIAH;WASATIYYAH MENJAMIN KECEMERLANGAN UMAT**



Bagaimana anda dapat memenuhi tuntutan tersebut dalam kehidupan seharian. Huraikan. [4 mark]

Cadangan isi:

- bersederhana dalam belanja
- Tidak boros dalam berbelanja
- berbelanja mengikut keperluan sahaja

PAHANG

1)	<p>BIDANG HADIS;KEMULIAAN BERDIKARI</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; text-align: center;"> <p>USAHA TANGGA KEJAYAAN</p> </div> <p>Bagaimanakah anda mengaplikasikan pernyataan di atas dalam kehidupan seharian? Huraikan. [4 markah]</p> <p>Cadangan isi:</p> <ul style="list-style-type: none"> -berusaha bersungguh-sungguh dalam pelajaran -tidak berputus asa dalam menimba ilmu -merancang strategi berjaya dalam pelajaran
2)	<p>BIDANG AKIDAH:HINDARI AJARAN SESAT</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> <p>Terdapatnya ajaran sesat yang mendakwa bahawa solat cukup dengan berniat sahaja tanpa perlu melakukannya.</p> <p>Kemukakan pandangan anda berkaitan situasi di atas.</p> </div> <p>Cadangan isi;</p> <ul style="list-style-type: none"> -Solat menjadi tidak sah -pelaksanaan solat perlu ada qalbi,qauli dan fi'li -solat dengan niat sahaja bukan amalan Nabi Muhammad
3)	<p>BIDANG AKIDAH:ALLAH MAHA MENGAWASI</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> <p>Keimanan kepada sifat al-Raqib akan menjadikan seseorang hamba sentiasa berhati-hati dalam melakukan sesuatu perkara agar tidak bercanggah dengan syariat Islam.</p> <p>Huraikan hujah anda untuk membuktikan kebenaran pernyataan di atas.</p> </div> <p>Cadangan isi:</p> <ul style="list-style-type: none"> -takut dengan pembalasan azab oleh Allah -Malaikat sentiasa mencatat amalan baik dan buruk manusia

4) **BIDANG FQAH;HAJI DAN UMRAH**

Larangan melakukan sesuatu perkara yang dilarang semasa ihram menunjukkan bahawa Islam amat mementingkan sikap disiplin di dalam melakukan ibadat.

Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah anda dapat menjadikan sikap di atas sebagai usaha untuk menjadi pelajar yang berjaya di dalam pelajaran? [4 m

Cadangan isi:

- mengikuti semua peraturan disiplin di sekolah
- mematuhi jadual belajar harian
- sentiasa hadir ke sekolah
- mengikut ajaran yang disampaikan oleh guru.

5) **BIDANG FQAH:SOLAT SUNAT ISTIKHARAH**

Rakan anda tidak melakukan solat sunat istikharah disebabkan tidak tahu cara pelaksanaannya.

- (iv) Bagaimanakah usaha yang boleh anda lakukan untuk membantu rakan anda? Huraikan.

Cadangan isi:

- mengajar rakan tentang cara pelaksanaan solat sunat istikharah
- mengajak rakan mendengar ceramah tentang solat sunat istikharah
- menghadihkan buku panduan

PERLIS

1)

BIDANG HADIS; KEMULIAAN BERDIKARI



Kemukakan pendapat anda tentang gambar di atas dalam konteks [4 markah] berdikari.

Cadangan isi:

- berusaha sendiri tanpa meminta-minta
- dikurniakan kesihatan yang baik untuk bekerja
- mencari rezeki yang halal

2)

BIDANG AKIDAH: ALLAH MAHA MENGAWASI

Keimanan kepada nama Allah bersifat al-Raqib akan menjadikan seseorang hamba sentiasa berwaspada dalam semua keadaan zahir dan batin.

Kemukakan hujah anda untuk menyokong kebenaran pernyataan di atas.

Cadangan isi:

- Berusaha melakukan perintah-Nya
- Meninggalkan larangan-Nya
- Takut membuat dosa kerana yakin Allah Maha Mengawasi setiap perbuatan hamba-Nya

3) **BIDANG FIOAH;HAJI DAN UMRAH**

Setiap ibadat yang disyariatkan dalam Islam mengandungi hikmah dan kebaikan di samping meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT.

Huraikan hujah anda.

Cadangan isi:

- menzahirkan ketaatan dalam melaksanakan perintah Allah
- saling mengenali sesama umat Islam
- menzahirkan kekuatan umat islam
- menyemarakkan perkembangan dakwah Islam
- meningkatkan taraf umat hidup
- mewujudkan sumber pendapatan baharu

4) **BIDANG SIRAH DAN TAMADUN ISLAM:KEUNGGULAN TOKOH ISLAM**

Profesor Ahmad bin Ibrahim memiliki ketinggian akhlak yang perlu diteladani.

Bagaimanakah anda mencontohi ketinggian akhlak beliau untuk menjadi pelajar yang cemerlang.

Cadangan isi:

- suka menyebarkan ilmu
- bersikap adil

5)

BIDANG AKHLAK ISLAMIAH: ALAM SEKITAR PENENANG JIWA



(iii) Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan peranan masyarakat [4 markah] bagi mengatasi masalah tersebut.

Cadangan isi;

- mengadakan gotong-royong
- melaporkan kepada pihak berkuasa

MELAKA**1) BIDANG HADIS; KEMULIAAN BERDIKARI**

“Tidak memakan seseorang sesuatu makanan yang lebih baik daripada memakan hasil daripada hasil kerja tangannya sendiri dan sesungguhnya nabi Allah Daud a.s. makan daripada hasil kerja baginda sendiri”

(Riwayat Bukhari)

Kemukakan hujah anda untuk menyokong kebenaran hadis di atas. [4 m

Cadangan isi:

- mendapat sumber pendapatan yang diyakini halal
- dipandang mulia
- rezeki diberkati

2) BIDANG AKIDAH: HINDARI AJARAN SESAT

Ajaran sesat adalah satu fenomena yang semakin menular dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia.

Ramalkan apa yang akan berlaku sekiranya situasi di atas tidak dibendung. [4 m

Cadangan isi:

- menjatuhkan imej umat islam
- melemahkan iman dan merosakkan akidah
- melahirkan individu yang pasif dan malas
- menggugat kestabilan politik
- memutuskan hubungan silaturrahim

<p>3)</p>	<p>BIDANG FIAH: SOLAT SUNAT ISTIKHARAH</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 10px; margin: 10px 0;"> <p>”Jika salah seorang daripada kalian gusar tentang sesuatu perkara maka dirikanlah solat sunat dua rakat selain daripada yang difardukan”</p> <p style="text-align: right;">(Riwayat Muslim)</p> </div> <p>Berdasarkan hadis di atas, kemukakan hujah anda berkaitan [4 markah] galakan pelaksanaan solat sunat Istikharah.</p> <p>Cadangan isi:</p> <ul style="list-style-type: none"> -meningkatkan keimanan -mendidik umat Islam untuk menjadikan Allah sebagai tempat pergantungan -menjauhkan diri daripada perbuatan syirik
<p>4)</p>	<p>BIDANG SIRAH DAN TAMADUN ISLAM: KERAJAAN UMAIYYAH</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 10px; margin: 10px 0;"> <p>Khalifah mengamalkan cara hidup mewah dan boros kerana cenderung kepada hiburan dan kekejaman</p> </div> <p>Merujuk pernyataan di atas, bagaimanakah anda sebagai pemimpin dapat mengambil iktibar bagi mewujudkan masyarakat yang harmoni.</p> <p>Cadangan isi;</p> <ul style="list-style-type: none"> -Melaksanakan tanggung jawab -menghindari hiburan yang melalaikan -mengamalkan dan memartabatkan ajaran Al-Quran dan As-Sunnah

5)

BIDANG AKHLAK ISLAMIAH: ALAM SEKITAR PENENANG JIWA



- (iv) Berdasarkan gambar di atas, huraikan tindakan yang boleh dilakukan untuk menangani isu tersebut.

[4 n]

Cadangan isi:

- memupuk kesedaran masyarakat tentang kepentingan memelihara sungai
- pemeriksaan penguatkuasaan undang-undang
- mewartakan sungai sebagai pusat komuniti

MRSM

1) **BIDANG HADIS; KEMULIAAN BERDIKARI****BERDIRI DI ATAS KAKI SENDIRI**

Huraikan peranan anda untuk memastikan rakan anda menghayati pernyataan di atas? [4 marks]

Cadangan isi:

- Memberikan nasihat kepada rakan
- memberi galakan/motivasi
- membimbing/mengajak ke arah positif

2) **BIDANG AKIDAH: HINDARI AJARAN SESAT**

Terdapat segelintir umat Islam yang hanya berpegang pada al-Quran dalam menentukan hukum.

Huraikan hujah anda untuk menolak pernyataan di atas. [4 marks]

Cadangan isi:

- bukan merupakan syariat Islam
- Hadis dalam sumber hukum dalam Islam
- Hadis berperanan menghuraikan/menjelaskan Al-Quran

3) **BIDANG FIAH: ISU-ISU DALAM PERKAHWINAN**

KADAR PERCERAIAN MEMBIMBANGKAN

Peningkatan trend perceraian bagi pasangan beragama Islam saban tahun dilihat semakin membimbangkan.

Sumber ubah suai: Rencana *Sinar Harian* - 21 Januari 2023

(iv) Huraikan pandangan anda tentang punca berlakunya perkara di atas. [4 mark]

Cadangan isi:

- kurang didikan agama
- pasangan curang di antara satu sama lain
- tidak sekuflu diantara pasangan yang dikahwini
- masalah kewangan dan sosioekonomi

4) **BIDANG SIRAH DAN TAMADUN ISLAM: KERAJAAN UMAIYYAH**

Masjid hendaklah memainkan peranan yang penting dalam membangunkan masyarakat seperti pada zaman kegemilangan pemerintahan kerajaan Umayyah.

Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 mark]

Cadangan isi:

- Masjid sebagai pusat perkembangan ilmu pengetahuan
- Masjid sebagai pusat beribadah/aktiviti kerohanian
- Masjid sebagai pusat kegiatan sosial
- Masjid sebagai pusat ekonomi

5)

BIDANG AKHLAK ISLAMIAH: ALAM SEKITAR PENENANG JIWA



Ramalkan kemungkinan yang akan berlaku sekiranya situasi di atas tidak ditangani sebaiknya. [4 markah]

Cadangan isi:

- berlaku banjir kilat
- berlaku pencemaran udara
- kehilangan punca air bersih
- sungai dipenuhi sampah sarap

Akhir kata,

Terima kasih kepada kamu yang telah menggunakan dokumen hasil penyusunan saya ini. Yang saya perlukan sebagai balasan cuma doa untuk mengharungi SPM. Semoga calon SPM o6 menjadi pelajar cemerlang di dunia dan akhirat.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً ، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً ، وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .

“Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka.”